

## ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	M/S	TARIKH
<b>BIDANG AL-QURAN</b>			
1	SURAH AL-AN'AM : 162 -163	<b>3</b>	
2	SURAH AL-KAHFI - UNIT 1 : 101 – 110		
1	SURAH AL-AN'AM : 162-163	<b>4</b>	
2	SURAH AL-KAHFI [ UNIT 1 ] : 101-106	<b>5</b>	
3	SURAH AL-KAHFI [ UNIT 2 ] : 107-110	<b>6</b>	
4	HUKUM TAJWID : HUKUM MAD SILAH , MAD LAZIM DAN QALQALAH	<b>7</b>	
5	SURAH AL-BAQARAH : 188 [ LARANGAN RASUAH ]	<b>9</b>	
6	SURAH ALI - IMRAN : 137 – 139 [ MEMAHAMI SUNNATULLAH ( سنة الله ) ]	<b>11</b>	
7	SURAH AL-AN'AM : 70 [ LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA ]	<b>14</b>	
8	SURAH FUSSILAT : 33 [ DAKWAH PEMACU KEMAJUAN ]	<b>17</b>	
<b>BIDANG HADIS</b>			
9	HADIS 1 : HINDARI DOSA-DOSA BESAR	<b>20</b>	
10	HADIS 2 : KEMULIAAN BERDIKARI	<b>25</b>	
<b>BIDANG AKIDAH</b>			
11	AL MUNTAQIM [ المنتقيم ]	<b>27</b>	
12	AL-JABBAR [ الجبار ]	<b>28</b>	
13	PERKARA YANG MEMABATALKAN IMAN	<b>29</b>	
14	HINDARI AJARAN SESAT	<b>31</b>	
<b>BIDANG FIQAH</b>			
<b>15</b>	HAJI DAN UMRAH	<b>34</b>	
	RUKUN HAJI DAN UMRAH	<b>35</b>	
	PERKARA WAJIB HAJI DAN UMRAH	<b>36</b>	
	JENIS HAJI	<b>39</b>	
16	SEMBELIHAN	<b>40</b>	
17	KORBAN	<b>43</b>	
18	AQIQAH	<b>45</b>	
19	KONSEP MUAMALAT ISLAM [ UNIT 1 ]	<b>47</b>	
20	JENIS AKAD DALAM MUAMALAT [ UNIT 2	<b>50</b>	
21	SOLAT SUNAT DHUHA	<b>52</b>	
22	SOLAT SUNAT GERHANA	<b>53</b>	
<b>BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM</b>			
23	ERA PEMERINTAHAN ISLAM	<b>56</b>	
24	CIRI KEPIMPINAN KHULAFAR-RASYIDIN	<b>57</b>	
25	PENCAPAIAN PEMERINTAHAN KHULAFAR-RASYIDIN	<b>59</b>	
26	KERAJAAN UMAIYAH	<b>61</b>	
27	KERAJAAN ABBASIAH	<b>65</b>	
28	KEUNGGULAN TOKOH EMPAT MAZHAB	<b>69</b>	
<b>BIDANG AKHLAK ISLAMIAH</b>			
29	BERSIKAP BENAR MENJAUHKAN KEMUNAFIKAN	<b>74</b>	
30	KHAUF [ خوف ] DAN RAJA' [ رجأ ]	<b>76</b>	
31	UNIT 1 : ADAB TERHADAP ORANG SAKIT	<b>78</b>	
32	UNIT 2 : ADAB TERHADAP ORANG KURANG UPAYA	<b>79</b>	
33	WASATIAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT	<b>80</b>	
34	<b>MAKSUD ISTILAH</b>		

# BIDANG AL-QURAN

## AYAT HAFAZAN

### SURAH AL-AN'AM : 162 -163

AYAT	TARIKH HAFAZ
<p>قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾</p>	
<p>لَا شَرِيكَ لَهُ ۗ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾</p>	

### SURAH AL-KAHFI : 101 – 110

AYAT	TARIKH HAFAZ
<p>الَّذِينَ كَانَتْ أَعْيُنُهُمْ فِي غِطَاءٍ عَنِ ذِكْرِي وَكَانُوا لَا يَسْتَطِيعُونَ سَمْعًا ﴿١٠١﴾</p>	
<p>أَفَحَسِبَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنْ يَتَّخِذُوا عِبَادِي مِنْ دُونِي أَوْلِيَاءَ ۗ إِنَّا أَعْتَدْنَا جَهَنَّمَ لِلْكَافِرِينَ نُزُلًا ﴿١٠٢﴾</p>	
<p>قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا ﴿١٠٣﴾</p>	
<p>الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ مُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾</p>	
<p>أُولَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَلِقَائِهِ ۗ فَحَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فَلَا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وِزْنًَا ﴿١٠٥﴾</p>	
<p>ذَلِكَ جَزَاءُهُمْ بِمَا كَفَرُوا وَاتَّخَذُوا آيَاتِي وَرُسُلِي هُزُوعًا ﴿١٠٦﴾</p>	
<p>إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّاتُ الْفِرْدَوْسِ نُزُلًا ﴿١٠٧﴾</p>	
<p>خَالِدِينَ فِيهَا لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حِوَلًا ﴿١٠٨﴾</p>	
<p>قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مِدَادًا لِكَلِمَاتِ رَبِّي لَنَفِدَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ تَنْفَدَ كَلِمَاتُ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِ مَدَدًا ﴿١٠٩﴾</p>	
<p>قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهُ وَاحِدٌ ۗ فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ ۗ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ ۗ أَحَدًا ﴿١١٠﴾</p>	

## PELAJARAN 1 : SURAH AL-AN'AM : 162-163 [ m/s :2 ]

### 1. Baca potongan ayat dengan betul, lancar dan bertajwid

MAKSUD	AYAT
Katakanlah sesungguhnya solat ku dan ibadat ku	قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي
Hidup ku dan mati ku	وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي
Hanyalah untuk Allah , Tuhan yang mentadbir sekalian alam	لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾
Tiadalah sekutu bagi-Nya	لَا شَرِيكَ لَهُ ۗ
Dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan	وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ
Dan aku ialah orang Islam yang awal pertama yang berserah diri kepada Allah	وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

### 2. INTISARI AYAT

1. Solat ialah tonggak kepada segala amalan seseorang muslim

2. Segala ibadat yang dilakukan perlu mengikut syariat Nabi Muhammad SAW

3. Kehidupan di dunia perlu dipenuhi dengan melaksanakan perintah Allah dan Rasulullah SAW supaya bahagia di dunia dan akhirat.

4. Menyerahkan segala urusan kehidupan dan sesudah kematian kepada Allah SWT

5. Keikhlasan ialah faktor utama segala ibadah diterima oleh Allah SWT

6. Umat Islam wajib menjauhi syirik kerana syirik merupakan larangan Allah SWT

7. Umat Islam wajib memohon hanya kepada Allah SWT kerana dia ialah Tuhan sekalian alam

### 3. SPEKTRUM ILMU

Sunat membaca doa iftitah dalam solat

Ali Bin Abi Talib meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda : apabila baginda mendirikan solat, baginda akan membaca :

وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا مَسْلَمًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ، إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ،

[ Riwayat Muslim ]

## PELAJARAN 3

### HUKUM TAJWID : HUKUM MAD SILAH , MAD LAZIM DAN QALQALAH [ m/s :17 ]

#### 1. MAD SILAH

ialah **MAD** yang terdapat selepas huruf HA dhamir (اِ) yang berbaris kasrah ( bawah) ( ) atau berbaris dhommah (depan) ( )

HUKUM	PENERANGAN	CARA BACAAN	CONTOH
<b>MAD SILAH QASILAH</b>	Apabila <b>HA</b> dhamir (اِ) terletak di antara dua Huruf berbaris bertemu dengan huruf hijaiyah <b>selain</b> daripada huruf hamzah ( ء ) pada dua kalimah yang berlainan	2 harakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ</li> <li>• بِكَلِمَاتِهِ وَيَقْطَعُ</li> </ul>
<b>MAD SILAH TAWILAH</b>	Apabila <b>HA</b> dhamir (اِ) terletak di antara dua Huruf berbaris bertemu dengan huruf hamzah ( ء ) pada dua kalimah yang berlainan	4 atau 5 harakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• بِغَايَتِهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ</li> <li>• وَرَسُولُهُ إِنْ كُنْتُمْ</li> </ul>

2. **Spektrum ilmu** : **HA** dhamir ialah ganti nama dalam bahasa Arab yang bermaksud “ **Nya**”

3. **MAD LAZIM** : Huruf Mad bertemu dengan huruf yang bertanda sukun [ mati] ( ) ketika bacaan secara wasal atau waqaf **CARA BACAANNYA 6 HAKARAT**

HUKUM	PENERANGAN	CARA BACAAN	CONTOH
<b>1. KALIMI</b> : Huruf mad bertemu dengan huruf bertanda sukun dalam satu kalimah			
<b>MAD LAZIM KALIMI MUKHAFFAF</b>	Huruf <b>MAD</b> bertemu dengan huruf bertanda sukun yang <b>tidak bersyaddah [bersabdu]</b> dalam satu kalimah	Tidak dibaca secara idgham	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ءَالِئِنَّ وَقَدْ كُنْتُمْ بِهِ</li> <li>• ءَالِئِنَّ وَقَدْ عَصَيْتَ</li> </ul>
<b>MAD LAZIM KALIMI MUTHAQQAL</b>	Huruf <b>MAD</b> bertemu dengan huruf bertanda sukun <b>yang bersyaddah [bersabdu]</b> dalam satu kalimah	Dibaca secara idgham	<ul style="list-style-type: none"> <li>• وَلَا الضَّالِّينَ</li> <li>• وَلَا جَانُّ</li> </ul>

2. HARFI : Huruf mad yang terdapat pada [ فواتح السور ] <i>pembukaan surah</i> bertemu huruf yang bertanda sukun yang ejaannya menjadi hukum Mad asli.			
MAD LAZIM HARFI MUKHAFFAF	Huruf MAD yang terdapat pada [ فواتح السور ] <i>pembukaan surah</i> bertemu huruf bertanda sukun (mati)	Tidak dibaca secara idgham	<ul style="list-style-type: none"> <li>يسّ ﴿١﴾</li> <li>عَسَقَ</li> </ul>
MAD LAZIM HARFI MUTHAQQAL	Huruf MAD yang terdapat pada [ فواتح السور ] <i>pembukaan surah</i> bertemu huruf bertanda sukun(mati)	Dibaca secara idgham	<ul style="list-style-type: none"> <li>طَسَمَ ﴿١﴾</li> <li>الْمَّ ﴿١﴾</li> </ul>

4. QAQALAH : - Bunyi lantunan ketika menyebut huruf Qalqalah

- huruf QALQALAH : ب ج د ق ط

HUKUM TAJWID	HURAIAN	CARA BACAAN	CONTOH
QALQALAH SUNGHRA	Huruf qalqalah yang berbaris sukun [ mati ] pada pertengahan kalimah atau hujung kalimah ketika bacaan secara <b>wasal</b>	Bunyi lantunan yang rendah ketika menyebut huruf qalqalah yang berbaris sukun	<ul style="list-style-type: none"> <li>وَتُدُّلُوا بِهَا</li> <li>وَرَبَطْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ</li> </ul>
QALQALAH KUBRA	Huruf qalqalah yang berbaris sukun [ mati ] atau sukun yang <b>mendatang</b> berada pada <b>hujung</b> kalimah ketika bacaan secara <b>waqaf</b>	Bunyi lantunan kuat ketika menyebut huruf qalqalah ketika <b>waqaf</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>وَلَمْ يُولَدْ ﴿٦﴾</li> <li>ثَمَنِي حَجَجِ ط</li> </ul>
QALQALAH AKBAR	Huruf qalqalah yang berbaris Syaddah [ شدة ] pada hujung kalimah ketika bacaan secara waqaf	Bunyi lantunan lebih kuat ketika menyebut huruf qalqalah ketika waqaf	<ul style="list-style-type: none"> <li>إِلَى الْحَقِّ ج</li> <li>لَهَبٍ وَتَبَّ ﴿١﴾</li> </ul>

## PELAJARAN 4

### SURAH AL-BAQARAH : 188 [ LARANGAN RASUAH ] [ m/s :25 ]

#### 1. Baca dengan betul , lancar dan bertajwid

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ

#### 2. Baca ayat dengan betul dan fahami Maksud

MAKSUD	AYAT
Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain)	وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ
antara kamu dengan jalan yang salah,	بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ
dan jangan pula kamu memberikan rasuah kepada para hakim	وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ
kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa,	لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ
sedangkan kamu mengetahui salahnya	وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ

#### 3. Larangan Allah berdasarkan ayat

- Allah melarang manusia mengambil harta orang lain dengan cara berikut , antaranya termasuklah :

- |             |                     |
|-------------|---------------------|
| 1. Rasuah   | 5. Judi             |
| 2. Merompak | 6. Salah guna kuasa |
| 3. Riba     | 7. Mencuri          |
| 4. Menipu   |                     |

4. **Pengertian rasuah** : Sebarang pemberian atau suapan yang bertujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan

#### 5. Empat bentuk kesalahan rasuah

- Meminta atau menerima rasuah.
- Menyalahgunakan kedudukan atau jawatan untuk kepentingan tertentu.
- Menawarkan atau memberikan rasuah.
- Mengemukakan tuntutan palsu.

## 6. Kesan perbuatan rasuah

1. Allah SWT dan Rasulnya melaknat pemberi dan penerima rasuah
2. Menjadikan individu hilang harga diri kerana perbuatan itu berdosa
3. Melumpuhkan ekonomi negara akibat daripada kos pengurusan yang meningkat
4. Meningkatkan kes jenayah dalam masyarakat kerana sifat mementingkan diri

## 7. Pengajaran ayat

1. Kita hendaklah mencari rezeki yang halal agar tidak menyalahi syariat Islam.
2. Kita hendaklah menjauhkan diri daripada memberikan rasuah supaya kita tidak menzalimi diri dan masyarakat.
3. Kita hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan sumpah palsu untuk mendapatkan kepentingan tertentu.

## 8. Spektrum ilmu

- **memalsukan kebenaran** : contohnya : memberikan rasuah kepada seseorang agar menyimpan rahsia supaya kebenaran tidak dibongkar
- **Membenarkan kepalsuan** : contohnya : memberikan rasuah untuk meluluskan tender sehingga menutup peluang orang lain yang lebih layak

## 9. Spektrum ilmu

Abu Hurairah dan Abdullah Ibn 'Amr r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ:

(Riwayat Abu Daud (3580), al-Tirmizi (1337) dan Ibn Majah (2313))

**Maksud:** Rasulullah SAW melaknat orang yang memberikan dan menerima rasuah



# BIDANG HADIS

## PELAJARAN 8

### HADIS 1 : HINDARI DOSA-DOSA BESAR [ m/s : 50 ]


#### 1. Baca hadis dengan betul

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤْبَقَاتِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشِّرْكَ بِاللَّهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ, وَأَكْلُ الرِّبَا, وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ, وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الزَّحْفِ, وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْعَافِيَاتِ

#### 2. Baca hadis dengan betul dan fahami maksud.

Jauhilah tujuh perkara yang merosakkan	اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤْبَقَاتِ
Sahabat bertanya : Wahai Rasulullah apakah perkara itu ?	قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ
Baginda bersabda : syirik kepada Allah SWT dan sihir	قَالَ الشِّرْكَ بِاللَّهِ وَالسِّحْرُ
dan membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah SWT kecuali dengan kebenaran,	وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ
dan makan riba dan harta anak yatim	وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ
dan lari daripada medan perang,	وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الزَّحْفِ
dan membuat tuduhan berzina terhadap wanita yang beriman yang suci dan terpelihara ( daripada maksiat )	وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْعَافِيَاتِ

#### 3. Tujuh dosa besar yang terkandung dalam hadis




1. SYIRIK KEPADA ALLAH SWT **[ dosa yang paling besar ]**

SYIRIK TERBAHAGI KEPADA DUA		
	Syirik Jali [ Nyata]	Syirik Khafi Tersembunyi ]
<b>Maksud</b>	Menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pada zat sifat dan af'al (perbuatan)	Melakukan sesuatu amalan bukan bertujuan kerana Allah SWT
<b>Contoh</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyembah berhala</li> <li>• Meyakini Nabi Isa sebagai anak tuhan</li> <li>• Meyakini alam dikuasai selain Allah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melakukan solat kerana mengharapkan pujian manusia ( Riya')</li> <li>• Berasa hebat dengan amalan sendiri (Ujub)</li> <li>• Sombong dengan kelebihan duniawi yang dilakukan (Takbur)</li> </ul>
<b>Kesan</b>	Merosakkan akidah	Merosakkan pahala amalan


2. SIHIR

<b>Maksud</b>	<b>Perbuatan yang memudaratkan orang lain dengan bantuan jin</b>
<b>Contoh</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. santau</li> <li>2. pukau</li> <li>3. minyak pengasih</li> <li>4. pelaris</li> </ol>
<b>Kesan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengakibatkan kesakitan tubuh badan</li> <li>2. Mencetuskan pergaduhan</li> <li>3. Memporak-perandakan rumah tangga</li> <li>4. Menyebabkan kematian</li> </ol>
<b>Dalil</b>	<p><b>Allah menjelaskan bahawa amalan sihir mengandungi unsur kekufuran</b>  <b>Firman Allah SWT :</b></p> <p>[ Surah al-Baqarah : 102] ... وَلَٰكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ ...</p> <p><b>Maksud :</b> ....tetapi golongan Syaitan itulah kafir kerana merekalah yang mengajar manusia ilmu sihir ...</p>
<p><b>Amalan : Antara amalan yang boleh menghindarkan diri daripada sihir termasuklah :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membaca surah al-Fatihah</li> <li>2. Membaca ayat Kursi</li> <li>3. Membaca surah al-Ikhlâs</li> <li>4. Membaca [al-Muauwizataini] iaitu surah al-Falak dan an-Nas</li> </ol>	


### 3. MEMBUNUH

<b>Maksud</b>	<b>Perbuatan menghilangkan nyawa seseorang</b>
<b>Contoh</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. menembak dengan senjata api</li> <li>2. Menikam dengan pisau</li> <li>3. Meletakkan racun dalam makanan atau minuman</li> </ol>
<b>Kesan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyusahkan keluarga mangsa pembunuhan</li> <li>2. memporak-perandakan kehidupan masyarakat</li> </ol>
<b>Dalil</b>	<p><b>Firman Allah SWT :</b></p> <p>وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعْنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا عَظِيمًا ﴿٩٣﴾</p> <p>[ surah an-Nisa': 93] </p> <p><b>Maksud :</b> dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, dia kekal ia di dalamnya, dan Allah murka kepada-Nya, dan melaknatnya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar.</p>

### 4. MAKAN RIBA

<b>Maksud</b>	<b>Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang piutang</b>
<b>Contoh</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hutang yang menetapkan faedah bayaran dengan peratusan tertentu</li> </ul>
<b>Kesan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengakibatkan penindasan</li> <li>• melumpuhkan ekonomi umat Islam</li> <li>• Menyebabkan penganiayaan kepada orang lain</li> </ul>
<b>Dalil</b>	<p><b>Firman Allah SWT :</b></p> <p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾</p> <p></p> <p><b>Maksud :</b> Wahai orang-orang yang beriman! bertakwalah kepada Allah dan tinggalkanlah saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman.</p>

## 7. MENUDUH PEREMPUAN YANG BERIMAN DAN SUCI BERZINA ( QAZAF )

<b>Maksud</b>	Menuduh wanita Islam yang baik melakukan perzinaan tanpa membawa saksi
<b>Contoh</b>	Percakapan atau pertuduhan yang jelas seperti “Kamu telah berzina” atau memanggil seseorang wanita “Wahai pezina”.
<b>Kesan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjatuhkan maruah</li> <li>• Mencetuskan perbalahan</li> </ul>
<b>Dalil</b>	<p><b>Firman Allah SWT :</b></p> <p style="text-align: center;"> <b>إِنَّ الَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ الْغَافِلَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ لُعُنُوا فِي الدُّنْيَا</b>  <b>وَالْآخِرَةِ وَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ</b> </p> <p style="text-align: right;">[ Surah an-Nur : 23] </p> <p><b>Maksud :</b> Sesungguhnya orang yang menuduh perempuan yang terpelihara kehormatannya, yang tidak terlintas memikirkan sebarang kejahatan lagi yang beriman, akan dilaknat oleh Allah di dunia dan di akhirat, dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang besar.</p>

## 8. Pengajaran ayat

1. Kita hendaklah sentiasa memelihara diri daripada perbuatan syirik kerana syirik boleh merosakkan aqidah
2. Kita hendaklah menghindarkan diri daripada perbuatan membunuh kerana membunuh melanggar hak asasi manusia
3. Kita hendaklah bersikap amanah dalam mengurus harta anak yatim untuk memelihara hak orang lain
4. Kita hendaklah mempertahankan keamanan negara supaya Islam dapat ditegakkan
5. Kita hendaklah menghindarkan diri daripada menuduh orang berzina tanpa bukti supaya maruah umat Islam terpelihara

## 9. Spektrum Ilmu

**Maksud al-Ghafilat [ الغافلات ]** orang yang bersih hati dan pemikiran dan daripada lintasan dan niat untuk melakukan perzinaan dan sentiasa memelihara diri daripada terjebak kedalam maksiat. [ Wahbah az-Zuhaily, at Tafsir al\_munir ]

10. **Spektrum Ilmu** : Hukuman terhadap orang yang melakukan **Qazaf** ialah **80 sebatan**

# BIDANG AKIDAH

## PELAJARAN 10

ALLAH SWT MAHA PEMBALAS DAN MAHA PERKASA [ m/s : 68 ]

UNIT 1 : AL MUNTAQIM [ المنتقم ]

### 1. Maksud al-Muntaqim

Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah Maha Pembalas dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas

## 2. Dalil naqli nama Allah SWT - Al-Muntaqim

Firman Allah SWT:


[ Surah az-Zuhuf : 41 ]  فَاِمَّا نَذْهَبَنَّ بِكَ فَاِنَّا مِنْهُمْ مُنْتَقِمُونَ

**Maksud** : Maka kalaulah kami wafatkan engkau, sesungguhnya Kami tetap akan menyiksa mereka

## 3. Kefahaman mengenai nama Allah SWT – AL-MUNTAKIM

1. Allah SWT memberikan pembalasan dengan seksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran.

DALIL . Firman Allah SWT


 وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِّرَ بِآيَاتِ رَبِّهِ ثُمَّ أَعْرَضَ عَنْهَا إِنَّا مِنَ الْمُجْرِمِينَ مُنْتَقِمُونَ

[Surah as-Sajadah : 22]

**Maksud** : Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang diberi ingatan dengan ayat Tuhannya kemudian dia berpaling daripada-Nya. Sesungguhnya kami tetap membalas orang yang berdosa.

2. Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa ad-Dukhan, iaitu Kaum Quraisy ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka kerana mereka menolak dakwah Rasulullah SAW.

Dalil : Firman Allah SWT :

[ Surah ad-Dukhan : 16 ]  مُنْتَقِمُونَ إِنَّا الْكُبْرَى الْبَطْشَةَ نَبْطِشُ يَوْمَ


**Maksudnya** : Dan ingatlah pada hari Kami timpakan kamu dengan paluan (pukulan) yang besar. Sesungguhnya Kami tetap akan menyiksa dengan azab yang seberat-beratnya

3. Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agama-Nya setelah diutus kan Rasul dan diberi keterangan yang jelas.

Dalil .Firman Allah SWT :

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ رُسُلًا إِلَى قَوْمِهِمْ فَجَاءَهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَاَنْتَقَمْنَا مِنَ الَّذِينَ أَجْرَمُوا وَكَانَ

[Surah ar-Rum :47 ]

 حَقًّا عَلَيْنَا نَصْرُ الْمُؤْمِنِينَ

**Maksud** : Sesungguhnya Kami telah mengutus sebelummu (wahai Muhammad) para Rasul kepada kaum masing-masing lalu mereka membawa kepada kaumnya bukti yang nyata, kemudian Kami menyiksa orang yang melakukan kesalahan (mengingkarinya) dan sememangnya menjadi tanggungjawab kami menolong orang yang beriman

## UNIT 2 : AL-JABBAR [ الجبار ]


### 1. Maksud al-Jabbar

- Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendak-Nya

## 2. Dalil naqli nama Allah al-Jaabbar

Firman Allah :

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ

[ surah al-Hasyr :23]  الْمَتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ

## 3. Kefahaman mengenai nama Allah SWT - AL-JABBAR

### 1. Allah SWT memiliki dan menguasai seluruh alam. Semua makhluk berada dalam pemerintahan Allah SWT

**Dalil .**

Abdullah bin Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW menjelaskan bahawa pada hari kiamat Allah SWT memegang tujuh petala langit dan bumi dengan kekuasaan-Nya, kemudian Allah berfirman dalam hadis qudsi

[ Riwayat Ibn Majah ]

أنا الجبار أين الجبارون؟ أين المتكبرون

**Maksud :** Akulah yang Maha Perkasa! Dimanakah orang-orang yang berkuasa? Dimanakah orang-orang yang sombong (di dunia dahulu)?

### 2. Allah SWT tidak boleh dipersoalkan perbuatan-Nya. Setiap perbuatan Allah SWT mengandungi hikmah yang tersembunyi.

**Dalil. Firman Allah SWT :**

[ Surah al-Anbiyaa' : 23 ]  لَا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُونَ

**Maksud :** Dia tidak boleh ditanya tentang apa yang Dia lakukan, sedang merekalah yang akan ditanya kelak

### 3. Manusia wajib bersifat merendah diri kerana Allah SWT akan mencampakkan makhluk-Nya yang bersikap takbur dan bongkak ke dalam neraka jahannam

## PELAJARAN 11

### PERKARA YANG MEMABATALKAN IMAN [ M/S : 72 ]

#### 1. Iman boleh terbatal melalui



- **IKTIKAD** - **PERKATAAN** - **PERBUATAN**

## 2 Batal Iman melalui IKTIKAD : contoh iktikad yang membatalkan iman.

- Iman terbatal dengan sebab **tidak percaya** atau **ragu-ragu** dengan perkara yang berkaitan dengan perkara yang berikut

	PERKARA	CONTOH
1	<b>Al-Uluhiyyah</b> [ الألوهية ]	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengingkari kewujudan Allah SWT sebagai pencipta [ الخالق ]</li> <li>• Mengingkari sifat kesempurnaan Allah seperti Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat</li> <li>• Menyifatkan Allah SWT dengan sifat yang tidak layak bagi Allah WT</li> <li>• Meyakini kewujudan kuasa lain yang memerintah alam</li> </ul>
2	<b>An-Nubuwwah</b> [ النبوة ]	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengingkari kenabian dan kerasulan salah seorang atau semua Nabi dan Rasul</li> <li>• Mengingkari kerasulan nabi Muhammad SAW sebagai rasul dan nabi yang terakhir</li> </ul>
3	<b>Al-Ghaibiyat</b> [ الغيبات ]	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengingkari hari kiamat atau peristiwa yang berlaku di Mahsyar dan pembalasan syurga dan neraka</li> <li>• Mengingkari kewujudan alam barzakh atau azab kubur</li> <li>• Mengingkari kewujudan Malaikat dan Jin</li> </ul>
4	<b>As-Syariat</b> [ الشريعة ]	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengingkari rukun Islam atau satu daripadanya.</li> <li>• Mengingkari hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT seperti mengingkari pengharaman zina atau menghalalkan liwat dan musahaqah</li> <li>• Beriktikad bahawa undang-undang syariat berteraskan al-Quran dan as-Sunnah ialah undang-undang yang lapuk dan tidak sesuai dilaksanakan.</li> </ul>

## 2. Batal iman melalui PERKATAAN

- Percakapan yang mengandungi pengakuan kufur, atau penafian akidah Islam atau mempersendakan hukum-hukum Islam

Contoh perkataan yang membatalkan iman ialah :		
Pengakuan yang mengandungi kufur	Penafian akidah Islam	Persendaan hukum-hukum Islam
<ul style="list-style-type: none"> <li>• “saya tidak lagi beragama Islam “</li> <li>• “al-Quran sudah tidak sesuai lagi di amalkan”</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• “ Saya tidak percaya adanya malaikat Raqib dan Atid “</li> <li>• “Rasulullah pun buat dosa”</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• “ zaman sekarang tidak perlu menutup aurat lagi”</li> <li>• “ Bilal itu telah menyalak seperti anjing “</li> </ul>

## PELAJARAN 12

### HINDARI AJARAN SESAT [ M/S : 83 ]

#### 1. Takrif ajaran sesat

- Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunah

## 2. Ciri ajaran sesat

	ASPEK	CONTOH
1	<b>Aspek al-Quran dan Hadis</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memahami dan mentafsir al-Quran dengan logik akal semata-mata tanpa mengikut disiplin ilmu yang betul</li> <li>2. Meyakini bahawa terdapat al-Quran lain yang tersembunyi</li> <li>3. Hanya berpegang dengan al-Quran dan menolak Hadis sebagai sumber hukum Islam</li> </ol>
2	<b>Aspek Akidah</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengaku menjadi Nabi atau Rasul</li> <li>2. Mendakwa diri atau gurunya sebagai Imam al-Mahdi</li> <li>3. Mendakwa gurunya dapat menebus dosa</li> <li>4. Memuji makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan</li> <li>5. Mempercayai semua agama benar dan menuju ke Syurga</li> <li>6. Menolak alam ghaib seperti roh, malaikat dan Jin</li> </ol>
3	<b>Aspek Ibadah</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menolak kewajipan ibadah fardu</li> <li>2. Beribadah dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat</li> <li>3. Menunaikan ibadah haji di tempat yang di anggap suci selain Mekah dan Madinah</li> <li>4. Menghalalkan perzinaan atas nama nikah</li> </ol>
4	<b>Aspek Akhlak</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengejek , merendah-rendahkan dan mempersendakan sahabat Nabi SAW.</li> <li>2. Bersikap taasub dengan ajaran guru sehingga menganggap hanya kumpulannya yang benar.</li> <li>3. Memperkecilkan amalan masyarakat berdasarkan sunah Rasulullah SAW sebaliknya berbangga dengan amalan bertentangan dengan syariat Islam</li> </ol>

## 3. Kesan melakukan ajaran sesat

	KESAN	PENERANGAN
1	<b>Agama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melemahkan iman dan merosakkan akidah</li> <li>• Menjatuhkan imej umat Islam</li> </ul>
2	<b>Ekonomi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melahirkan individu yang pasif dan malas</li> <li>• Membelanjakan wang pada perkara yang tidak berfaedah</li> </ul>
3	<b>Politik</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggugat kestabilan politik akibat tindakan keganasan</li> <li>• mewujudkan suasana politik yang tidak harmoni akibat taasub kepada pemimpin kumpulan</li> </ul>
4	<b>Kemasyarakatan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membentuk individu masyarakat yang bersikap agresif dan kasar</li> <li>• Memutuskan hubungan silaturahim dan persaudaraan Islam</li> </ul>

# BIDANG FIQAH

## PELAJARAN 13

### HAJI DAN UMRAH [ M/S : 90 ]

#### 1. Maksud , hukum dan dalil haji dan umrah

PERKARA	HAJI	UMRAH
Bahasa	Tujuan dan maksud	Ziarah
Istilah	Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya	Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya

#### 2. Spektrum ilmu

- Ibadah haji telah disyariatkan pada tahun **kelima hijrah**
- Bulan-bulan haji
  - Syawal
  - Zulkaedah
  - 1- 13 Zulhijah

#### 3. Hukum haji dan umrah

- **WAJIB** sekali seumur hidup bagi setiap individu yang **MUKALLAF** dan **BERKEMAMPUAN**

#### 4. Dalil naqli haji dan umrah

Firman Allah: [surah al-Baqarah : 196] :

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

**Maksud** : dan sempurnakanlah Ibadat Haji dan Umrah kerana Allah..

#### 5. Syarat wajib haji dan umrah

1.	<b>Islam</b>	Tidak diwajibkan kepada orang kafir
2.	<b>Baligh</b>	Cukup umur dan tidak wajib kepada kanak-kanak
3.	<b>berakal</b>	Waras dan tidak wajib kepada orang gila
4.	<b>Merdeka</b>	Tidak wajib kepada hamba
5.	<b>Berkemampuan</b>	Mampu dari segi kesihatan, kewangan dan keselamatan

#### 6. Spektrum Ilmu : Ciri-ciri berkemampuan

1. Cukup perbelanjaan – untuk mengerjakan haji dan umrah
2. Cukup keperluan nafkah asas - bagi orang yang di bawah tanggungannya.
3. Ada kenderaan pergi dan balik
4. Aman perjalanan pergi dan balik
5. sihat tubuh badan.

#### Khusus bagi perempuan

1. Mendapat keizinan suami atau walinya
2. Ditemani oleh suami atau mahram atau kumpulan perempuan yang boleh dipercayai.

## 7. RUKUN HAJI DAN UMRAH

<i>Rukun Haji</i>	<i>Rukun Umrah</i>	<i>Perbezaan Rukun Haji &amp; Umrah</i>
Niat	Niat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Haji ada Wuquf umrah tiada wuquf</li> <li>Haji tertib pada kebanyakan rukun, manakala umrah tertib pada semua rukun</li> </ul>
Wuquf	Tiada Wuquf	
Tawaf	Tawaf	
Sai	Sai	
Bercukur	Bercukur	
Tertib pada kebanyakan rukun	Tertib pada semua rukun	

	HAJI	UMRAH	HURAIAN
1	Niat mengerjakan haji	Niat mengerjakan umrah	<p><b>Lafaz niat mengerjakan haji</b>  نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى  “Sahaja aku mengerjakan <b>haji</b> dan aku berihram dengannya kerana Allah taala.”</p> <p><b>Lafaz niat mengerjakan umrah</b>  نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى  “Sahaja aku mengerjakan <b>umrah</b> dan aku berihram dengannya kerana Allah Taala.”</p>
2	Wuquf di Arafah	<b>Tiada wuquf di Arafah</b>	Wuquf pada ibadah haji. berada di Arafah walaupun seketika bermula dari <b>masuk waktu zuhur 9 Zulhijah</b> hingga <b>sebelum masuk waktu subuh pada 10 Zulhijah</b>
3	Tawaf di Kaabah		Mengelilingi Kaabah <b>7 pusingan</b> bermula di penjuru Hajar Aswad dan berakhir pada sudut yang sama menurut syarat-syarat tertentu.
4	Sai		Berjalan ulang-alik sebanyak 7 kali bermula di <b>Bukit Safa</b> dan berakhir di <b>Bukit Marwah</b> menurut syarat-syarat tertentu
5	Bergunting atau bercukur rambut		Bergunting atau bercukur rambut sekurang-kurangnya <b>3 helai rambut</b> dan <b>sunat bercukur</b> rambut bagi <b>lelaki</b> .
6	Tertib pada kebanyakan rukun	Tertib pada semua rukun	Melakukan perbuatan mengikut urutan.

## 11. Amalan sunat haji dan umrah

1.	<b>Mandi sunat ihram</b>	Dilakukan sebelum memakai ihram Lafaz mandi sunat :  <i>نَوَيْتُ غُسْلَ سُنَّةِ الْإِحْرَامِ لِلَّهِ تَعَالَى</i>  <b>Maksud : sahaja aku mandi sunat Ihram kerana Allah Taala</b>
2.	<b>solat sunat Ihram</b>	Selepas selesai memakai pakaian ihram dengan sempurna, disunatkan melakukan solat sunat ihram Lafaz solat sunat ihram :  <i>أُصَلِّي سُنَّةَ الْإِحْرَامِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى</i>  <b>Maksud : sahaja aku solat sunat Ihram dua rakaat kerana Allah Taala</b>
3.	<b>Talbiah</b>	Memperbanyakkan <b>talbiah</b> selepas berihram
4.	<b>Mengutip anak batu ( bagi ibadah haji sahaja)</b>	Mengutip 7 biji anak batu di Muzdalifah pada 9 Zulhijah untuk melontar <b>Jamrah Kubra</b> pada 10 Zulhijah
5.	<b>Solat sunat selepas melakukan tawaf</b>	Lafaz solat sunat tawaf : Dilakukan di belakang maqam Nabi Ibrahim  <i>أُصَلِّي سُنَّةَ الطَّوَافِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.</i>  <b>Maksud : Sahaja aku solat sunat tawaf dua rakaat kerana Allah Taala</b>   <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">Makam Nabi Ibrahim</div>

## 12. Perbandingan haji dan umrah

Persamaan	
Aspek	Haji dan umrah
<b>Rukun</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tawaf Ifadah</li> <li>• Sai</li> <li>• bercukur</li> </ul>
<b>Perkara wajib</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• larangan ihram</li> <li>• mempunyai miqat makani</li> </ul>

Perbezaan		
Aspek	Haji	Umrah
<b>Waktu</b>	Dikerjakan pada bulan-bulan haji	Pada bila-bila masa sepanjang tahun
<b>Rukun</b>	Wajib wuquf	Tidak wuquf
<b>Perkara wajib</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melontar 7 anak batu di ketiga-tiga jamrah</li> <li>• Bermalam di Muzdalifah</li> <li>• bermalam di Mina</li> <li>• melontar 7 anak batu di</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada melontar 7 anak batu di ketiga-tiga jamrah</li> <li>• Tiada bermalam di Muzdalifah</li> <li>• Tiada bermalam di Mina</li> <li>• Tiada melontar 7 anak batu di</li> </ul>

## PELAJARAN 14

### SEMBELIHAN [ m/s : 109 ]

#### 1. Maksud Sembelihan

**Bahasa :** memotong

**Istilah :** Menyembelih binatang yang halal di makan dengan cara memutuskan **urat halkum** dan **Mari' [ مريء ]**

#### 2. Hukum sembelihan : **wajib** [ supaya halal dimakan dagingnya]


#### 3. Dalil naqli sembelihan . Allah SWT berfirman

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ  
 وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ ..... [ *surah al-Maidaah* : 3 ]

**Maksud :** diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai , darah (yang keluar mengalir, daging khinzir (termasuk semua anggota tubuhnya), binatang-binatang yang disembelih bukan kerana Allah, yang mati tercekik, yang mati dipukul, yang mati kerana jatuh dari tempat yang tinggi, yang mati ditanduk, yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih .....

#### 4. Rukun sembelihan

##### 1. Rukun sembelihan



##### 5. 2. Syarat sah sembelihan

<b>Penyembelih</b>	<b>Beragama Islam atau Ahli Kitab</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Halal sembelihan dari ahli kitab kerana niat sembelihan mereka adalah kerana Allah SWT</li> <li>Sembelihan kanak-kanak dan perempuan adalah sah dan halal</li> </ul>
	<b>Melakukan penyembelihan hanya kerana Allah SWT</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sembelihan yang bukan kerana Allah SWT adalah haram dan tidak sah di makan. <b>Contohnya:</b> Sembelihan untuk membuat persembahan kepada kubur keramat.</li> </ul>
<b>Binatang sembelihan</b>	<b>Masih mempunyai hayat [ mustaqirrah]</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jika binatang yang disembelih <b>hampir mati</b>, binatang tersebut <b>tidak halal</b> di makan.</li> </ul>
	<b>Putus urat Halkum dan mari' dengan segera dan sekali sembelihan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Urut halkum ialah <b>saluran pernafasan</b> , / <b>urut mari'</b> ialah <b>saluran makanan</b></li> <li>apabila kedua-dua urat tersebut diputuskan dengan segera, binatang</li> </ul>

	tersebut akan mati dengan cepat
<b>Alat Sembelihan</b>	Alat sembelihan yang dibolehkan ialah alatan yang boleh melukakan binatang sembelihan <b>kecuali kuku, gigi dan tulang</b>

## PELAJARAN 16

### UNIT 1 : KONSEP MUAMALAT ISLAM [ m/s : 129 ]

#### 1. Maksud, hukum dan dalil Muamalat Islam

1.	<b>Maksud</b>	Hukum syarak yang berkaitan dengan urusan kewangan seperti jual beli, sewaan, simpanan dan sebagainya.
2.	<b>Hukum</b>	• <b>Harus</b>
3.	<b>Dalil naqli</b>	<p>Allah SWT berfirman :</p> <p style="text-align: right;">... وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۚ</p> <p><b>Maksud</b> : ...padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli dan mengharamkan riba.</p>

#### 2. Matlamat pensyariatan muamalat dalam Islam

1. Menunjukkan keadilan Allah SWT dalam mengatur urusan kehidupan manusia.
2. Mengiktiraf pemilikan harta melalui akad yang sah
3. Segala urusan dalam muamalat Islam bertepatan dengan matlamat syariat Islam
4. Menjaga kepentingan penjual dan pembeli serta penyewa dan pemilikan
5. Mendapat keredaan Allah SWT kerana melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya dalam urusan harian

#### 3. Kepentingan memahami dan mengamalkan muamalat Islam

##### 1. Dalil naqli tuntutan beramal dengan muamalat Islam

Allah SWT berfirman :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

[ surah an-Nisa : 29]

**Maksud** : Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan harta benda sesama kamu dengan jalan yang salah (batil) kecuali dengan perniagaan yang dilakukan secara saling meredai antara kamu.

##### 2. Dalil naqli ancaman tidak beramal dengan muamalat Islam

Firman Allah SWT :

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ۚ الَّذِينَ إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ۚ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ۚ أَلَا يَظُنُّ أُولَٰئِكَ أَنَّهُمْ مَبْعُوثُونَ ۚ لِيَوْمٍ عَظِيمٍ ۚ يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ۚ

[ surah al-Mutaffifin : 1-6]

**Maksud** :

1. Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menipu (dalam timbangan dan sukatan),
2. Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan daripada orang lain mereka mengambalnya dengan cukup.



3. Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukai atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi.
4. Tidakkah mereka menyangka akan dibangkitkan (hidup semula sesudah mati)?
5. Pada hari (kiamat) yang amat besar (huru-haranya),
6. Hari berdiri manusia ketika menghadap Tuhan semesta alam?.

## UNIT 2 : JENIS AKAD DALAM MUAMALAT ISLAM [ m/s:137 ]

### 1. Jenis akad dalam muamalat Islam

PERTUKARAN	KEBAJIKAN	PERKONGSIAN	JAMINAN	AGEN
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jual beli</li> <li>• Sewaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hibah</li> <li>• Qardh</li> <li>• Wakaf</li> <li>• Wadiah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Musyarakah</li> <li>• Mudharabah</li> <li>•</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kafalah</li> <li>• Rahnu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wakalah</li> </ul>

### 2. Pengertian dan contoh jenis akad dalam muamalat Islam

BIL	JENIS AKAD	MAKSUD	CONTOH
<b>PERTUKARAN</b>			
1	<b>JUAL BELI</b>	Suatu akad pertukaran barang dengan barang dengan persetujuan penjual dan pembeli	Membeli barang di pasar raya dengan duit
2	<b>SEWAAN</b>	Akad bagi menyerahkan suatu yang bermanfaat yang boleh diberikan secara sewa dengan pembayaran tertentu	Sewaan kereta / rumah
<b>KEBAJIKAN</b>			
3	<b>HIBAH</b>	Memberikan sesuatu secara percuma dengan rela hati kepada orang lain ketika pemberi masih hidup	Memberikan sebuah rumah kepada anak
4	<b>QARDH</b>	Memberikan hutang wang kepada orang lain tanpa sebarang imbuhan (faedah) dan perlu membayar kembali dengan jumlah yang sama	Memberikan pinjaman wang RM 500.00 untuk kegunaan peribadi
5	<b>WAQAF</b>	Mewakafkan harta yang dapat diambil manfaatnya serta kekal fizikalnya (ainnya) untuk penggunaan yang baik serta bertujuan mendapat keredhaan Allah SWT	Mewakafkan rumah untuk pusat penjagaan anak-anak yatim
6	<b>WADIAH</b>	Memberikan sesuatu barang kepada orang lain agar dapat disimpan dan dipelihara seperti yang sepatutnya.	Simpanan wang
<b>PERKONGSIAN</b>			
7	<b>Musyarakah</b>	Akad yang menetapkan sesuatu harta atau perniagaan yang dikongsi bersama oleh dua orang atau lebih	Perkongsiian untuk menubuhkan syarikat perniagaan
8	<b>Muharabah</b>	Akad yang dilakukan oleh pemodal dengan menyerahkan modalnya kepada pengusaha agar dapat diniagakan dan keuntungannya dibahagikan antara mereka	Pemodal memberikan RM 10,000.00 kepada pengusaha untuk perniagaan buah-buahan dan kadar keuntungan yang dipersetujui 60% untuk pengusaha dan 40% untuk pemodal.
<b>AGEN</b>			
9	<b>Wakalah</b>	Mewakilkkan pekerjaan tertentu	Aizat mewakilkkan Ashraff untuk

		yang boleh dikerjakan kepada orang lain	menjual sebuah rumah dan Ashraff akan dibayar imbuhan yang dipersetujui
--	--	---	---

# **BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM**

## 1. ERA PEMERINTAHAN KERAJAAN ISLAM [ M/S : 152 ]

KERAJAAN ISLAM YANG BERJAYA MENGUASAI DUNIA SELAMA 1400 TAHUN LAMANYA		
1.	<p><b>ZAMAN RASULULLAH SAW</b> 1- 11 H (622M – 632M)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat pemerintahan - Madinah</li> <li>• Pimpinan Rasulullah SAW</li> </ul>
2.	<p><b>ZAMAN KHULAFAR-RASYIDIN</b> 11H – 40H (632M – 661M)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pusat pemerintahan Madinah</b></li> <li>• <b>Khalifah :</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Abu Bakar As-Siddiq</li> <li>2. Umar Bin Abdul al-Khattab</li> <li>3. Uthman Bin Affan</li> <li>4. Ali Bin Abi Talib</li> </ol> </li> </ul>
3.	<p><b>ZAMAN KERAJAAN UMAIYAH</b> 41H- 132 H 661M – 132 H</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pusat Pemerintahan – Damsyik</b></li> <li>• <b>Khalifah yang terkenal;</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Muawiyah Bin Abi Suffian</li> <li>2. Abdul Malik Bin Marwan</li> <li>3. Al-walid Bin Abdul Malik</li> <li>4. Umar Bin Abdul aziz</li> </ol> </li> </ul>
4.	<p><b>ZAMAN KERAJAAN ABBASIAH</b> 132H – 656H (759M – 1258M)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pusat pemerintahan – Baghdad</b></li> <li>• <b>Khalifah yang terkenal :</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Abu al-Abbas as-Saffah</li> <li>2. Abu Jaafar al-Mansur</li> <li>3. Harun ar-Rasyid</li> <li>4. Abu Jaafar al-Makmum</li> </ol> </li> </ul>
5.	<p><b>ZAMAN KERAJAAN UTHMANIAH</b> 698H – 1341H (1299M – 1924M)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pusat pemerintahan - Istanbul</b></li> <li>• <b>Sultan yang terkenal :</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Uthman Ertughrul</li> <li>2. Muhammad al-Fatih</li> <li>3. Sulaiman al-Qanuni</li> </ol> </li> </ul>

**Spektrum Ilmu** : Antara tahun 656H -698H selepas kejatuhan kerajaan Abbasiyah di Baghdad kerajaan Abbasiyah diteruskan di Mesir

## PELAJARAN 18

### 1. Ciri kepimpinan Khulafa ar-Rasyidin [ M/S : 154 ]

<b>ABU BAKAR AS-SIDDIQ</b>	
<b>TEGAS</b>	<b>Tegas dalam memerangi</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Golongan murtad</li> <li>2. Nabi palsu</li> <li>3. Golongan yang enggan membayar zakat</li> </ol>
<b>BERPANDANGAN JAUH</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengarahkan Zaid Bin Thabit mengetuai usaha <b>menghimpunkan tulisan ayat al-Quran</b> yang terdapat pada kepingan-kepingan batu, tulang, pelepah tamar, dan kulit haiwan</li> <li>• sebab dikumpulkan kerana <b>ramai penghafaz al-Quran terkorban dalam peperangan Yamamah.</b></li> </ul>
<b>SETIA DENGAN ARAHAN RASULULLAH SAW</b>	Meneruskan tindakan Rasulullah SAW untuk <b>menghantar Usamah bin Zaid</b> sebagai panglima angkatan tentera Islam kepada kerajaan Ghassan kerana telah membunuh utusan Rasulullah.
<b>MENGAMALKAN SYURA</b>	Mengambil kira pandangan para sahabat dalam menentukan strategi peperangan menentang Rom, dengan strategi pembahagian empat pasukan tentera sehingga berjaya menawan negeri Syam
<i>Spektrum ilmu</i>	<b>Ucapan Sayidina Abu Bakar selepas dilantik menjadi Khalifah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>“ Sekiranya aku di jalan yang benar berilah bantuan. sekiranya aku menyimpang tegurlah . Kebenaran ialah amanah , pendustaan ialah khianat. Taatilah kepada ku selama aku mentaati Allah SWT dan Rasulnya dan sekiranya aku ingkar kepada Allah SWT dan Rasulnya, maka luputlah ketaatan mu kepada ku”</i></li> </ul>
<b>UMAR BIN AL-KHATTAB</b>	
<b>TEGAS</b>	Menggantikan kepimpinan Khalid Bin al-Walid sebagai panglima angkatan tentera Islam dengan Abu Ubaidah Bin al-Jarah semasa perang Yamamah.
<b>ADIL</b>	Memastikan kebajikan rakyat terpelihara dengan meninjau sendiri keadaan rakyatnya termasuk menyamar sebagai rakyat biasa
<b>BERFIKIRAN TERBUKA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersedia ditegur Rasulullah SAW</li> <li>• Menerima pendapat daripada sahabat Abu Bakar r.a tentang pembebasan tawanan perang Badar kerana menghormati keputusan mesyuarat</li> </ul>
<b>CEKAP</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menubuhkan majlis Syura</li> <li>• Menubuhkan beberapa jabatan baharu ( ad-Diiwan )</li> <li>• Mengemas kini <b>Baitul Mal</b> bagi melicinkan pentadbiran negara</li> <li>• Membahagikan wilayah Islam kepada beberapa bahagian pentadbiran di bawah kuasa seorang Gabenor yang cekap seperti Muawiyah Bin Abu Sufian dan Amru Bin al-‘As</li> </ul>
<i>Spektrum ilmu</i>	<b>Ucapan Umar Bin al-Khattab selepas dilantik menjadi Khalifah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>“Dalam menunaikan tugas ku , maka al-Quran adalah panduan ku dan aku akan</i></li> </ul>

*mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW dan abu Bakar. Sekiranya au di jalan yang benar, ikutilah aku, dan sekiranya aku menyimpang daripada jalan yang benar, maka bantulah aku agar tidak kehilangan arah.”*

### 3. Faktor kegemilangan dan kemerosotan kerajaan Umayyah

1	<b>AGAMA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Khalifah Umar Abdul aziz telah menyemarakkan aktiviti keilmuan seperti pengajian al-Quran dan pembukuan Hadis</li> <li>• Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah menaik taraf dan membina institusi masjid seperti Masjid Nabawi untuk merencanakan aktiviti keagamaan.</li> </ul>
2	<b>POLITIK</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan Damsyik yang strategik sebagai pusat pemerintahan oleh khalifah Muawiyah bin Abi Suffian telah berjaya mengukuhkan pentadbiran negara.</li> <li>• Pelantikan Gabenor yang berwibawa berjaya menghapuskan pemberontakan oleh puak Khawarij dan Syiah</li> <li>• Berjaya meluaskan wilayah Islam di Rom , China, India , Afrika Utara dan Eropah</li> </ul>
3	<b>EKONOMI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan Baitulmal yang cekap sehingga hasil pendapatan negara melebihi keperluan contohnya pada zaman Khalifah al-Walid bin Abdul Malik</li> <li>• Kerajaan berjaya memanfaatkan hasil daripada pertanian dan perdagangan untuk membangunkan negara.</li> </ul>
4	<b>SOSIAL</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjagaan kebajikan rakyat menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan dan penyediaan kemudahan asas seperti masjid, jalan raya dan hospital</li> <li>• Hubungan erat antara pemimpin dan rakyat mewujudkan suasana perpaduan dan harmoni dalam masyarakat</li> </ul>
5	<b>KETENTERAAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pasukan angkatan tentera yang berdisiplin dan bersemangat jihad dalam mempertahankan agama dan negara.</li> <li>• Kemudahan pangkalan tentera dan kapal perang yang dilengkapi dengan peralatan perang yang canggih.</li> <li>• Adaptasi strategi peperangan dengan meniru corak gerak daripada Parsi dalam ketenteraan</li> </ul>
6	<b>PENDIDIKAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjadikan masjid dan istana sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan</li> <li>• Galakan daripada Khalifah Abdul Malik bin Marwan dan Umar bin Abdul Aziz agar rakyat menguasai pelbagai ilmu naqli seperti al-Quran, tafsir, hadis dan nahu.</li> </ul>

## . PELAJARAN 21

### KEUNGGULAN TOKOH EMPAT MAZHAB [ M/S : 179 ]

#### 1. Riwayat hidup dan sumbangan tokoh empat Mazhab dalam tamadun Islam

1. IMAM ABU HANIFAH	
<b>Nama penuh</b>	An-Nukman Bin Thabit al-Kufi
<b>Tarikh lahir</b>	80 H di Kufah
<b>Tarikh wafat</b>	150 H
<b>Kunyah</b>	Abu Hanifah
<b>Keperibadian</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sangat memuliakan ilmu pengetahuan</li> <li>• Kuat beribadah seperti sentiasa melakukan qiamullail, berpuasa sunat dan selalu khatam al-Quran</li> <li>• Seorang yang pemurah dan penyayang</li> <li>• Tidak terpengaruh dengan tawaran pangkat dan kedudukan</li> </ul>
<b>Antara guru yang tersohor</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hammad bin Abi Sulaiman</li> <li>• Ata' bin Yasar</li> <li>• Amru bin Dinar</li> </ul>
SUMBANGAN DALAM TAMADUN ISLAM	
<b>Hasil karya</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• al-Faraid [ الفروض ]</li> <li>• al -Fiqh al-Akbar [ الفقه الأكبر ]</li> <li>• al-A'lim Wal-Muta'allim [ العالم والمتعلم ]</li> </ul>
<b>Mengasaskan mazhab berdasarkan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fatwa para sahabat [ اقوال الصحابة ]</li> <li>• Qias [ قياس ]</li> <li>• Istihsan [ استحسان ]</li> <li>• Ijmak [ اجماع ]</li> <li>• Uruf [ عرف ]</li> </ul>
<b>Murid yang terkenal</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Abu Yusuf</li> <li>• Muhammad bin Hassan asy-Syaibani</li> <li>• Zufar bin al-Huzail</li> </ul>
<b>Mazhab Hanafi tersebar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seluruh Asia tengah - Eropah</li> </ul>
<b>Spektrum Ilmu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tokoh-tokoh Mazhab Hanafi <ul style="list-style-type: none"> <li>• Abu Hasan al-Karhi - Alauddin al-Kasani - Ibnu Abidin</li> <li>• Muhammad as-Sarkhasi - Jamaluddin az-Zaila'i</li> </ul> </li> </ol>

**2. Kesungguhan Imam Abu Hanifah dalam menuntut ilmu :**

- mendalami ilmu feqah kerana berpendapat ia memerlukan kemahiran dan pertimbangan akal yang mendalam dalam menguasai sesuatu hukum dengan baik.

# BIDANG AKHLAK ISLAMIAH



## PELAJARAN 25

### WASATIAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT [ M/S : 205 ]

#### 1. Maksud dan dalil Wasatiah

**Maksud :** Pendekatan yang sederhana , seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan

##### Dalil 1 : Firman Allah SWT

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

[ Surah al-Baqarah : 143 ]

**Maksud :** Demikianlah Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat pertengahan (umat pilihan lagi adil) supaya kamu layak menjadi saksi untuk memberi keterangan kepada umat manusia

##### Dalil 2 : Saidatina Aisyah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda

سَدُّوا وَقَارِبُوا، واعلموا أن لن يدخل أحدكم عمله الجنة، وأن أحب الأعمال أدومها إلى الله وإن قل

**Maksud :** Lakukanlah dengan bersederhana. Dan ketahuilah bahawa perbuatan kamu tidak akan menyebabkan kamu masuk syurga. Amalan yang paling disukai Allah ialah yang berterusan walaupun sedikit.

#### 2. Empat prinsip Wasatiah

##### 1. KESERDERHANAAN : Melakukan sesuatu dengan sempurna tidak melampaui batas dan mematuhi syarat

###### i- Aspek kesederhanaan

- Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh bertanggungjawab
- Memenuhi syarat dalam menunaikan tugas, mematuhi arahan dan prosedur dalam menjalankan amanah
- Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi

###### ii. Dalil : Firman Allah SWT

[ Surah al-Furqan : 67 ] وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

**Maksud :** Dan mereka yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut. dan perbelanjaan mereka adalah betul sederhana

###### iii Spektrum ilmu :

[ امة وسطا ] **Ummatan wasatan** menggabungkan unsur **jasad** dan **rohani** tanpa mengabaikan mana-mana aspek. mereka termasuklah :

1. Umat yang terpilih dan adil

2. Umat terbaik dan pertengahan dalam semua perkara dan tidak melampaui batas serta tidak lalai.
3. Tidak berlebih-lebihan dalam urusan agama dan spiritual semata-mata seperti golongan Nasrani.
4. Tidak mementingkan material semata-mata seperti Yahudi dan musyrik

## MAKSUD ISTILAH

BIL	ISTILAH	MAKSUD
<b>KEFAHAMAN AYAT</b>		
1	<b>RASUAH</b>	Sebarang pemberian atau suapan yang bertujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan
2	<b>SUNNATULLAH</b>	Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SAW terhadap semua makhluk dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut.
3	<b>DAKWAH</b>	Menyeru manusia melakukan perkara yang diperintah oleh Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya .
4	<b>SYIRIK JALI</b>	Menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pada zat sifat dan af'al (perbuatan)
5	<b>SYIRIK KHAFI</b>	Melakukan sesuatu amalan bukan bertujuan kerana Allah SWT
6	<b>SIHIR</b>	Perbuatan yang memudaratkan orang lain dengan bantuan jin
7	<b>MEMBUNUH</b>	Perbuatan menghilangkan nyawa seseorang
8	<b>MAKAN RIBA</b>	Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang piutang
9	<b>MAKAN HARTA ANAK YATIM</b>	Menggunakan harta anak yatim dengan cara yang tidak dibenarkan oleh syarak
10	<b>LARI DARI MEDAN PERANG</b>	Meninggalkan medan peperangan menghadapi musuh
11	<b>QAZAF</b>	Menuduh wanita Islam yang baik melakukan perzinaan tanpa membawa saksi
12	[ الغافلات ]	orang yang bersih hati dan pemikiran dan daripada lintasan dan niat untuk melakukan perzinaan dan sentiasa memelihara diri daripada terjebak kedalam maksiat.
13	<b>BERDIKARI</b>	Berdikari bermaksud berusaha sendiri dan tidak bergantung pada bantuan orang lain
<b>AKIDAH</b>		
14	<b>AL-MUNTAQIM</b>	Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah Maha Pembalas dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas
15	<b>AL-JABBAR</b>	Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendak-Nya
16	<b>AJARAN SESAT</b>	Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunah
17	<b>LIBERALISME AGAMA</b>	Aliran pemikiran yang menyeru kepada kebebasan dan keterbukaan dalam mentafsir agama
18	<b>PLURALISME AGAMA</b>	Aliran yang menganggap semua agama sama dan membawa kebaikan